

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: UPACARA PERBARISAN HARI POLIS

TEMPAT: PUSAT LATIHAN POLIS, JALAN GURNEY, KUALA LUMPUR

TARIKH: 29 MAR 1986

MASA:

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Tan Sri Haniff Omar,

Ketua Polis Negara;

Pegawai-Pegawai dan seluruh anggota

Pasukan Polis;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan

yang dihormati sekalian;

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmatNya dapat saya bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian pada pagi ini di upacara perbarisan Perayaan Hari Polis tahun ini. Saya mengucapkan tahniah kepada semua ahli Pasukan Polis Di-Raja Malaysia sempena dengan perayaan ulang tahunnya yang ke-179 ini, dan saya juga mengucapkan terima kasih kerana diberi penghormatan untuk menerima tabek hormat serta memeriksa perbarisan.

2. Saya berasa amat bangga melihat satu perbarisan yang kemas dan segar yang tuan-tuan dan puan-puan tunjukkan sebentar tadi, dan ini menunjukkan mutu disiplin dan ketertipan yang tinggi. Saya percaya dan yakin bahawa semua ahli Pasukan Polis Di-Raja Malaysia dapat mengekalkan mutu disiplin dan ketertipan yang tinggi ini semasa menjalankan tugas dan tanggungjawab terhadap masyarakat, kerana disiplin dan ketertipan merupakan akar tunjang kepada perkhidmatan Polis Di-Raja Malaysia.

3. Saya dimaklumkan bahawa tema Hari Polis pada tahun ini ialah 'Profesionalisme Teras Perkhidmatan Polis'. Masyarakat Malaysia hari ini adalah masyarakat yang adil dan progresif, dibentuk dan dicipta berasaskan Rukunegara. Untuk menjaya serta meneruskan pembentukan masyarakat yang adil dan progresif ini, setiap jentera Kerajaan mestilah memainkan peranan masing-masing.

4. Pasukan Polis Di-Raja Malaysia adalah salah sebuah dari jentera tersebut, dan adalah menjadi kewajipan setiap ahli polis menjayakan cita-cita murni ini. Masyarakat yang adil dan progresif memerlukan satu pasukan polis yang bertanggungjawab untuk menguatkuasa dan mengendalikan undang-undang negara dengan adil, teratur dan sempurna. Pandangan masyarakat atau pendapat umum atau 'public opin-

ion' terhadap pasukan polis adalah penting sekali. Dalam konteks ini, untuk mencapai objektifnya, setiap anggota polis perlulah menitik-beratkan tema perayaan Hari Polis tahun ini.

5. Perhubungan polis dengan masyarakat mempunyai banyak implikasi kepada kesejahteraan pasukan polis sendiri. Adalah menjadi tanggungjawab pasukan polis untuk menentukan bahawa perhubungannya dengan masyarakat sentiasa baik. Ini akan membolehkan polis melaksanakan tanggungjawabnya dengan licin dan memuaskan. Masyarakat akan bersimpati dan bekerjasama dengan polis dalam usaha-usaha menentang musuh-musuh negara, mencegah jenayah dan lain-lain lagi. Apabila menemui kerumitan dan sebagainya, masyarakat akan lebih sanggup memberi maklumat-maklumat terhadap kejadian-kejadian yang berkenaan yang berguna kepada polis.

6. Disiplin yang tinggi akan membuat pasukan polis dihormati dan disanjung tinggi oleh masyarakat dan akan meyakinkan masyarakat terhadap kerja-kerja yang dibuat oleh Pasukan Polis Di-Raja Malaysia.

7. Saya percaya dan yakin apa yang saya ucapkan ini dapat dilaksanakan agar tugas-tugas tuan-tuan dan puan-puan di dalam memberi perkhidmatan kepada masyarakat mendapat sambutan yang lebih positif daripada masyarakat. Dan yang penting sekali, negara Malaysia dapat menikmati kestabilan, keselamatan dan keamanan. Hanya dalam suasana ini sahajalah negara dapat meningkatkan pembangunan ekonomi dan sosial, yang mana ini akan dinikmati juga oleh keluarga polis.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Sambil kita bergembira menyambut hari yang bersejarah ini, kita tidak seharusnya melupakan jasa-jasa mereka yang terkorban dan yang cedera kerana menguatkuasakan undang-undang, melawan penjenayah dan umumnya mempertahankan kedaulatan negara. Rakyat dan negara sentiasa menjunjung tinggi jasa dan pengorbanan yang telah dicurahkan oleh mereka. Marilah kita berdoa semoga roh mereka yang terkorban dicucuri rahmat dan di tempatkan di kalangan orang-orang yang salih.

9. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas penghormatan yang diberi kepada saya pada pagi ini, dan saya berdoa semoga Tuhan memelihara keselamatan semua anggota Polis Di-Raja Malaysia.

Wabillahi taufik walhidayah wasaalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.